

Seimbang kehidupan, mata pencarian bawah SOP baharu, kata MEF

By **FMT Reporters** - May 22, 2021 4:30 PM



FMT © freemalaysiatoday.com

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Syed Hussain Syed Husman, berkata mengawal Covid-19 adalah masalah tingkah laku yang memerlukan bantuan semua rakyat.

PETALING JAYA: Majikan sektor swasta menggesa kerajaan memastikan keseimbangan antara kehidupan dan mata pencarian menjelang pengumuman SOP baharu.

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) memuji keputusan untuk tidak melaksanakan sekatan pergerakan penuh, seperti dilakukan pada Mac tahun lalu.

Katanya, ini akan membolehkan perniagaan yang lama terjejas terus menuju pemulihian.

MEF berkata, majikan sektor swasta lega kerana kerajaan memutuskan untuk mengenakan penguatkuasaan SOP lebih ketat terhadap sektor ekonomi dan sosial di kawasan terjejas Covid-19 daripada menguatkuasakan sekatan penuh di seluruh negara semasa PKP 3.0.

"Kita mesti membuat kesimpulan bahawa Covid-19 akan kekal dalam komuniti untuk sementara waktu.

"Kita harus belajar bagaimana menanganinya dengan berkesan, seperti mennggalakkan program imunisasi, menerapkan SOP lebih ketat dan menyekat pergerakan," kata Presiden MEF, Syed Hussain Syed Husman.

"Peningkatan jumlah jangkitan Covid-19 membangkitkan keprihatinan serius dan kerajaan telah memutuskan dengan bijaksana dalam hal mengatasi keseimbangan antara menyelamatkan nyawa dan menyelamatkan mata pencarian."

Dalam kenyataan semalam, Perdana Menteri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan memutuskan untuk mengetatkan SOP bagi mengekang Covid-19 yang semakin buruk.

Perinciannya akan diumumkan oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Ismail Sabri Yaakob hari ini.

Syed Hussain berkata menjadi tanggungjawab rakyat untuk mengikut SOP ditetapkan kerajaan.

"Rakyat harus menyedari bahawa beban untuk mengawal penularan ada pada kita dan bukan hanya kerajaan. Oleh itu, kita mesti berdisiplin dan mengubah tingkah laku, sikap dan amalan kita untuk mengikuti SOP."

"Sangat mudah untuk memberi komen dan kritikan, tetapi mengawal penularan Covid-19 adalah masalah tingkah laku."

"Jika kita semua melakukan yang terbaik, kita akan berjaya dalam mengurangkan penularan Covid-19, tidak kira bagaimana sukar dan selebihnya kita serahkan kepada pasukan perubatan."

"MEF menasihati semua majikan dan pekerja bahawa langkah ini mungkin bukan yang terbaik untuk mengawal penularan Covid-19 tetapi mereka tidak mempunyai pilihan, berdasarkan kesan kewangan dari sekatan penuh."